



MOHD. NOH DALIMIN (tengah) mengetuai Kayuhan Kemerdekaan sempena Hari Kebangsaan peringkat UTHM di Parit Raja, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMAD AIMY AHMAD

UTHM jayakan Kayuhan Kemerdekaan

BATU PAHAT 1 Sept. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan Program Kayuhan Kemerdekaan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan 2015, di sini baru-baru ini.

Program yang diketuai Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin itu diadakan bagi mempamerkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus.

Unit Perhubungan Awam Bahagian Komunikasi Korporat UTHM dalam satu kenyataan berkata, program dianjurkan secara bersama antara Pejabat Pendaftar dan Kelab

Kebajikan Staf Pejabat Canselori (Kasturi) melibatkan pimpinan universiti dan ahli kelab.

"Kayuhan itu diadakan bersempena majlis pelancaran sambutan bulan kemerdekaan yang ke-58 peringkat universiti yang bermula 17 Ogos lalu sehingga 16 September depan.

"Pelbagai aktiviti diatur antaranya majlis bacaan yasin dan tahlil, kibaran jalur gemilang di setiap kenderaan milik warga universiti, penyertaan perbarisan peringkat negeri serta tayangan video dokumentari dan filem-filem patriotik," katanya di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, sambutan

bulan kemerdekaan tersebut juga sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga universiti.

Mengenai program kayuhan terbabit, ujar kenyataan itu, kayuhan sepanjang enam kilometer mengelilingi kampus diadakan bagi mengedarkan Jalur Gemilang kepada Pusat-pusat tanggungjawab di UTHM untuk dikibarkan sepanjang bulan kemerdekaan.

"Sementara itu, majlis penutup bulan kemerdekaan dijadual berlangsung pada pertengahan bulan depan," kata kenyataan itu lagi.